

JURNAL ISLAM dan  
Masyarakat Kontemporari  
Jilid 5 (Julai), 2012, 77-89

## Dakwah kepada Masyarakat Bukan Islam Menerusi Interaksi

Aminudin Basir @ Ahmad  
Akila Mamat

### Abstrak

Kepelbagaiannya etnik merupakan antara tanda keagungan Allah dari aspek Tauhid dalam mencipta manusia. Berlainan warna kulit, berbeza susuk tubuh dan juga perbezaan bahasa merupakan satu keunikan dan keindahan dalam penciptaan manusia yang sewajarnya dihargai dan disyukuri lantaran ia adalah salah satu nikmat Allah s.w.t.. Penghargaan dan tanda syukur ini perlu ditunjukkan dengan cara yang sewajarnya. Antaranya adalah melalui interaksi dengan orang bukan Islam yang terdiri daripada pelbagai etnik. Artikel ini membincangkan dakwah kepada orang bukan Islam menerusi interaksi. Ia bertujuan untuk memaparkan ajaran Islam yang positif dalam menggalakkan interaksi antara orang Islam dengan bukan Islam sekalipun berbeza dari sudut kepercayaan dan nilai. Perkara ini penting memandangkan sehingga hari ini sesetengah pihak di Barat masih mempunyai sikap prejudis dan stereotaip terhadap Islam. Kaedah yang digunakan dalam penulisan ini ialah analisis dokumen. Hasil kajian mendapati bahawa Islam telah menggariskan dasar interaksi yang adil terhadap orang bukan Islam. Dapatkan juga menunjukkan masyarakat bukan muslim mempunyai hak-hak yang perlu dihormati. Hasil kajian juga memperlihatkan bahawa dakwah Islam mencetuskan perubahan positif terhadap masyarakat bukan Islam berbeza dengan kedatangan para penjajah Barat.

Kata kunci: interaksi etnik; matlamat dakwah.

### Abstract

*Ethnic diversity is one of the signs of the greatness of God in creating human aspects of Tawheed. Different colors, different physique and different languages are aspects of uniqueness and beauty of the creation of mankind. This uniqueness should be appreciated because it is one of Allah's blessings upon mankind, and the best way to show our gratefulness for His blessings, is by having good interaction with different ethnic groups including non-Muslims. This article discusses Islamic da'wah to non-Muslims through interaction. It attempts to show that the teachings of Islam are positive in promoting interaction with non-Muslims even in terms of beliefs and values. This is important because to this day, some people in the west still have prejudices and stereotypes against Islam in the context of the interaction between Muslims and non-Muslims. To obtain knowledge and information for this article, the document analysis method has been used. This study found that Islam has laid the basis of fair interaction with non-Muslims. The findings also indicate that non-Muslims have the right to be respected. Moreover, the study also shows that Islamic da'wah triggers changes*

*in the different communities of non-Muslims which are different from the arrival  
of Western colonist*

*Keywords:* ethnic interaction; da'wah.

## Pendahuluan

Artikel ini membincangkan tentang dakwah menerusi interaksi antara etnik. Perkara ini adalah bertepatan dengan kebangkitan Rasulullah s.a.w. sebagai rasul yang membawa ajaran Islam sebagai satu cara yang sempurna untuk disampaikan kepada seluruh manusia yang terdiri daripada berbagai-bagai bangsa. Dakwah Islam yang dibawa oleh baginda dan para sahabatnya ke seluruh dunia mengandungi rahmat yang menyemarakkan keamanan serta keharmonian bukan sahaja untuk manusia berbilang bangsa bahkan untuk haiwan dan tumbuhan. Namun hingga kini, pelbagai toh�ahan masih dilemparkan kepada Islam sebagai agama yang bermusuhan dan membenci masyarakat bukan Islam. Ini terbukti menerusi tulisan Huntington berjudul *The Clash of Civilizations and the Remaking of World Order*. Begitu juga dalam kajian Griffin (CRG, 3 July 2011) pada 2008 dari Center for Research on Globalization menjelaskan bahawa pembuat dasar luar Amerika Syarikat masih berpendapat bahawa serangan 11 September 2001 adalah perbuatan orang Islam. Sikap Islam yang memberi hak secara adil serta perlu mendapat layanan yang baik terhadap masyarakat bukan Islam adalah salah satu aspek yang turut diberi perhatian oleh para sarjana Islam menerusi karya-karya mereka. Karya-karya klasik yang menyentuh aspek ini antaranya adalah seperti karya *al-Ahkām al-Sultāniyyah* oleh al-Mawardi, *Ahkām Ahl al-Zimmah* oleh Ibn Qayyim al-Jauziyyah. Tidak ketinggalan para sarjana era moden turut memberi perhatian kepada permasalahan ini seperti penulisan al-Ghanusyi menerusi bukunya *Huqūq al-Muwātānah* (1993), Ismail Lutfi Fatani dalam karya beliau *Ikhtilāf al-Darāīn* (1990) dan lain-lain. Artikel ini melihat sejauh mana mesej dakwah Islam itu tersebar menerusi interaksi antara etnik. Bagi mendapatkan ilmu dan maklumat berkaitan, maka metodologi analisis dokumen digunakan. Hasil kajian mendapat bahawa Islam mempunyai dasar interaksi yang adil terhadap masyarakat bukan Islam. Kajian ini juga menunjukkan bahawa masyarakat bukan Islam mempunyai hak-hak tertentu yang perlu dihormati. Akhirnya, hasil kajian juga menunjukkan bahawa dakwah Islam membawa perubahan yang positif terhadap masyarakat bukan Islam berbeza dengan kedatangan penjajah Barat.

## Dakwah dan Suruhan Berinteraksi dalam al-Qur'an

Secara umum dakwah bermaksud mengajak kepada sesuatu matlamat yang mulia yang akan mendapat keredhaan Allah dengan cara yang telah ditunjukkan oleh Rasulullah s.a.w. dalam sunnahnya (al-Fayumi 2006). Dalam konteks ini, para sarjana yang mengkhusus dalam bidang dakwah telah membahagikan dakwah kepada dua bahagian utama, iaitu dakwah secara lisan dan dakwah menerusi contoh yang ditunjukkan oleh seseorang. Interaksi pula dilihat lebih kepada perhubungan antara seseorang dengan seseorang yang lain (Collins 2009). Konsep interaksi ini dapat dilihat menerusi amalan galakan memberi ucapan salam sesama muslim sama ada yang dikenali atau tidak dikenali seperti sabda Rasulullah s.a.w. yang bermaksud:

"Islam yang baik itu adalah dengan engkau memberi makan dan mengucapkan salam terhadap orang yang engkau kenali atau yang tidak engkau kenali".  
(Muslim t.th., 22).

Begitu juga dengan perbuatan Umar Ibn al-Khattab r.a. yang menghantar pakaian baru kepada saudaranya yang masih belum memeluk Islam yang tinggal di Mekah (al-Bukhari 1997: no. 5981). Dalam usaha berinteraksi ini juga Islam menggalakkan amalan

ziarah antara satu sama lain, tanpa mengira latar belakang agama dengan menjaga adab yang telah ditetapkan. Dengan kata lain interaksi dalam Islam merujuk kepada tujuan untuk saling mengenali antara satu sama lain atau disebut sebagai *al-ta‘ārif*. Interaksi sesama individu akan menghasilkan perhubungan yang membawa kerjasama yang baik dalam pelbagai perkara sama ada yang melibatkan lingkungan etnik yang sama ataupun yang berlainan. Dengan kata lain *al-ta‘ārif* ini akan membawa kepada *al-ta‘āwun* (bertoleransi) dan perkara-perkara *al-Bir* iaitu perkara-perkara yang baik melibatkan kepentingan individu dan masyarakat. Interaksi ini merupakan sifat yang tersedia wujud dalam diri manusia yang dicipta oleh Allah s.w.t.. Dengan lain perkataan, interaksi menjadi keperluan sesama manusia kerana melaluinya wujud sebuah masyarakat tertentu.

Dakwah amat berkaitan dengan interaksi. Bahkan dalam dakwah telah wujud unsur-unsur interaksi. Ini amat jelas dapat dilihat menerusi firman Allah s.w.t.:

وَلْتَكُنْ مِّنْكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَنَهَايُونَ عَنِ الْمُنْكَرِ  
وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ

١٤

Maksudnya:

Dan hendaklah ada di antara kamu segolongan umat yang menyeru kepada kebijakan, menyuruh kepada yang ma'ruf dan mencegah dari yang munkar; mereka lahir orang-orang yang beruntung.

(al-‘Imrān: 104)

Begitu juga dalam ayat 110:

كُنْتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أَخْرَجْتُ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَنَهَايُونَ عَنِ الْمُنْكَرِ  
وَتَوَمَّنُونَ بِاللَّهِ

Maksudnya:

Kamu adalah umat yang terbaik yang dilahirkan untuk manusia, menyuruh kepada yang ma'ruf, dan mencegah dari yang munkar, dan beriman kepada Allah.

(al-‘Imrān: 110)

Berdasarkan dua ayat di atas jelas memaparkan bahawa dakwah memerlukan proses interaksi antara pendakwah dengan golongan yang didakwah. Untuk berdakwah seseorang itu perlu berinteraksi dengan orang lain menerusi berbagai-bagai cara dan pendekatan yang sesuai. Perbezaan yang dapat dikenalpasti antara dakwah dengan interaksi itu adalah dari sudut matlamatnya. Pada asasnya dakwah mempunyai matlamat yang mulia untuk membawa manusia kepada beriman. Sementara interaksi pula mungkin mempunyai berbagai-bagai tujuan sama ada positif atau negatif.

Dalam hubungan interaksi antara etnik, dakwah mempunyai dua tujuan utama iaitu untuk mengajak mereka yang masih belum beriman agar beriman, atau bertujuan untuk menyebarkan kebaikan ajaran Islam sebagai satu cara hidup yang sempurna mencakupi aspek politik, ekonomi, pendidikan, kekeluargaan, pengurusan dan sebagainya (al-Fayumi 2006). Di samping itu, ia juga bertujuan untuk mewujudkan pandangan yang positif terhadap ajaran Islam sebagai agama yang mewajibkan manusia untuk hidup bersama secara aman dan harmoni, saling menghormati, bertolak ansur dalam perkara yang wajar tanpa mengira etnik dan agama.

Antara ayat al-Quran yang menjelaskan aspek interaksi ini adalah firman Allah s.w.t. dalam surah al-Hujurāt ayat 13:

يَأَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُم مِّنْ ذَرَّةٍ وَأَنَّى وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَفَيَالَ لِتَعَارِفُوا إِنَّ  
أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَنَّكُمْ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ بِحُبِّكُمْ

١٣

Maksudnya:

Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih taqwanya di antara kamu, (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha mendalam pengetahuannya (akan keadaan dan amalan kamu).

(al-Hujurāt: 13)

Di sini Allah s.w.t. menjelaskan bahawa manusia itu dicipta dari diri yang satu, kemudian dari diri yang satu itu diciptakan pasangannya, yang akhirnya wujudlah Adam dan Hawa a.s.. Walaupun demikian, kemuliaan dan kelebihan manusia itu terletak kepada ketaatan mereka kepada Allah s.w.t.. Lantaran itu Allah menyebut ayat ini selepas diterangkan dalam ayat sebelumnya iaitu larangan mengumpat dan mengeji sesama manusia (Ibn Kathir 2004). Justeru itu, tujuan manusia yang dicipta dalam pelbagai bangsa dan etnik bukan untuk saling bermusuhan, sebaliknya adalah untuk bertacāruf atau berinteraksi antara satu sama lain. Manakala dari sudut akidah pula, perbezaan warna kulit atau etnik itu bukan merupakan tanda aras kemuliaan seseorang manusia di sisi Allah s.w.t., sebaliknya tahap ketaqwaan yang merupakan hasil ibadah seseorang itu yang menjadi tanda kemuliaan yang hakiki di sisi Allah s.w.t.. Ayat ini memberi kesedaran bahawa asal usul manusia adalah satu walaupun berlainan etnik dan agama serta budaya serta sekaligus membantalkan amalan dasar *apartied* atau perbezaan warna kulit. Kesedaran untuk berinteraksi ini bermula dengan kesedaran bahawa asal usul manusia itu adalah satu, seperti yang dijelaskan oleh Allah s.w.t dalam surah al-Nisā', ayat 1:

يَأَيُّهَا النَّاسُ أَنَّفُوا رَبِّكُمُ الَّذِي خَلَقَكُم مِّنْ نَّفِيسٍ وَجَدَّهُ وَخَلَقَ مِنْهَا زَوْجَهَا وَبَثَ مِنْهُمَا  
رِجَالًا كَثِيرًا وَنِسَاءً

Maksudnya:

Wahai sekalian manusia! bertaqwalah kepada Tuhan kamu yang telah menjadikan kamu (bermula) dari diri yang satu (Adam), dan yang menjadikan daripada (Adam) itu pasangannya (isterinya - Hawa), dan juga yang membiakkan dari keduanya – zuriat keturunan - lelaki dan perempuan yang ramai.

(al-Nisā': 1)

Melalui Adam dan Hawa a.s. maka berkembanglah dengan begitu ramai sekali golongan lelaki dan wanita ke seluruh pelusuk dunia dalam pelbagai bentuk sifat, warna kulit dan pelbagai bahasa (Ibn Kathir 2004). Berdasarkan ayat tersebut juga, Allah s.w.t. telah menyebut tentang suruhan agar bertaqwa kepadaNya sahaja sebagai menuaikan tuntutan tauhid uluhiyah, dan pada masa yang sama Allah s.w.t. turut menyedarkan manusia bahawa mereka adalah makhluk ciptaanNya. Lantaran, apabila manusia itu sedar bahawa mereka adalah makhluk ciptaan Allah s.w.t., maka ini akan mendorong manusia mengabdikan diri mereka kepadaNya sahaja. Hal ini kerana, atas asas pengabdian diri atau ibadah itulah manusia dicipta oleh Allah s.w.t., seperti dalam firman-Nya:

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونَ ﴿٥٦﴾ مَا أُرِيدُ مِنْهُمْ مِنْ رِزْقٍ وَمَا أُرِيدُ أَنْ يُطْعِمُونَ ﴿٥٧﴾ إِنَّ اللَّهَ هُوَ الرَّازَقُ ذُو الْقُوَّةِ الْمَتِينُ ﴿٥٨﴾

Maksudnya:

Dan (ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepadaKu. Aku tidak sekali-kali menghendaki sebarang rezeki pemberian dari mereka, dan Aku tidak menghendaki supaya mereka memberi makan kepadaKu. Sesungguhnya Allah Dialah sahaja yang memberi rezeki (kepada sekalian makhlukNya, dan Dialah sahaja) yang mempunyai kekuasaan yang tidak terhingga, lagi Yang Maha Kuat kukuh kekuasaan-Nya.

(al-Dhāriyāt: 56-58)

### Interaksi dan Matlamat Dakwah

Interaksi dalam hubungan ini bertujuan untuk mencapai matlamat dakwah Islam iaitu untuk menyebarluaskan ajaran Allah dalam kalangan manusia yang terdiri daripada pelbagai etnik agar mereka beribadah hanya kepadaNya dalam segala aspek aktiviti kehidupan tanpa mensyirikkanNya. Hal ini bersesuaian dengan matlamat utama dakwah para nabi dan rasul a.s., seperti firman Allah:

وَلَقَدْ بَعَثْنَا فِي كُلِّ أُمَّةٍ رَسُولًا أَنْ أَعْبُدُوا اللَّهَ وَاجْتَنَبُوا الظَّنْغُوتَ

Maksudnya:

Dan demi sesungguhnya telah kami bangkitkan bagi setiap umat itu rasul, agar mereka mengajak manusia untuk menyembah Allah dan menjauhi thagut.

(al-Nahl: 36)

Berkaitan ayat di atas al-Sa'diy (1990) telah menjelaskan bahawa Allah s.w.t. telah mengutuskan para rasul bagi umat yang terdahulu dan yang terkemudian. Kesemua mereka mempunyai tujuan dakwah yang sama iaitu menyeru kaum masing-masing agar beribadah hanya kepada Allah s.w.t. yang Esa yang tiada sekutu bagiNya. Justeru itu, tauhid merupakan matlamat dakwah yang mahu dicapai menerusi interaksi. Dengan kata lain, tanpa interaksi tidak mungkin matlamat dakwah Islam ini dapat direalisasikan sepenuhnya. Lantaran itu dalam konteks ini, interaksi dilihat sebagai satu landasan yang wajib bagi mencapai matlamat dakwah yang sebenar dan berkualiti. Agama Islam tidak mungkin tersebar kepada masyarakat di dunia ini tanpa adanya interaksi. Menyedari hakikat ini, maka masyarakat Islam dalam sejarah generasi awal bangkit dengan semangat dan daya juang yang tinggi untuk menyebarluaskan Islam ke serata pelusuk dunia. Mereka amat memahami akan seruan Allah sw.t. sebagaimana firmanNya di dalam surah al-Imrān, ayat 110:

كُلُّمُ خَيْرَ أُمَّةٍ أَخْرِجَتْ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَنَهَاوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ  
وَتُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ

Maksudnya:

Kamu adalah sebaik-baik umat yang dikeluarkan bagi manusia, kamu menyuruh kepada yang makruf dan mencegah dari yang mungkar dan kamu beriman kepada Allah.

(al-Imrān: 110)

Berinteraksi dengan matlamat menyebarkan Islam sebagai satu cara hidup para pendakwah tersebut perlu melalui satu tempoh perjalanan yang panjang dan mencabar untuk sampai ke sesuatu destinasi. Apakah sebab atau faktor utama yang mendorong mereka untuk menyebarkan Islam kepada etnik-ethnik lain di dunia ini? Pastinya adalah kerana interaksi tersebut merupakan satu kewajipan dari Allah s.w.t., di samping mereka dapat merasakan Islam adalah satu nikmat yang telah merubah kehidupan mereka secara positif. Jika dilihat sebelum kedatangan Islam mereka tidak pernah merasai nikmat keadilan yang sebenar malah mereka juga tidak pernah merasai ketenangan hidup yang hakiki atau dengan lebih tepat lagi tidak pernah merasakan satu kehidupan yang benar-benar bahagia. Inilah antara rumusan yang dapat diambil dari kata-kata Ja'far Ibn Abi Talib yang diungkapkan oleh beliau dihadapan Raja Najasyi ketika berhijrah ke Habsyah (Ibn Kathir 1988). Lantaran itu, mereka merasakan perlu untuk berkongsi bersama nikmat iman dan Islam ini dengan etnik-ethnik lain di dunia ini.

Apa yang lebih menarik, interaksi dalam konteks ini adalah satu bentuk interaksi yang bertunjangankan nilai-nilai peradaban yang tinggi. Ia menyebabkan berlakunya perubahan secara total dan positif dalam masyarakat. Interaksi yang penuh dengan adab dan nilai yang tinggi merupakan satu ketetapan dalam agama Islam. Ini bersesuaian dengan sabda Rasulullah s.a.w. yang diriwayatkan oleh Abu Dhar dan Muaz Ibn Jabal r.a. dalam sebuah hadis yang bertaraf *hasan*:

Maksudnya:

Dan pergaulah manusia (berinteraksi) dengan akhlak yang baik.

(al-Tirmidhi, 2000 Kitāb al-Bir wa al-Silāh)

Inilah kekuatan para pendakwah dalam berinteraksi yang dilihat telah membawa satu kejayaan yang besar dalam membina perhubungan dengan etnik-ethnik lain di seluruh pelusuk dunia.

## Kesan Interaksi dalam Perkembangan Dakwah

Menyedari akan kewajipan menyebarkan Islam sebagai al-Dīn, maka generasi awal Islam telah menunjukkan amalan interaksi mereka yang begitu menonjol sekali. Semangat untuk berkongsi kebaikan dan kebahagiaan yang dirasai oleh hati mereka melalui nikmat iman dan Islam telah menjadi pendorong utama untuk mereka berinteraksi dengan bangsa lain. Cahaya keimanan telah berjaya menghidup dan menyuburkan kembali hati-hati mereka yang dahulunya dianggap telah mati. Perkara ini telah ditegaskan oleh Allah s.w.t. melalui firman-Nya dalam surah al-An‘ām, ayat 122:

أَوْمَنَ كَانَ مِتَا فَأَحِيَّنَهُ وَجَعَلْنَا لَهُ نُورًا يَمْشِي بِهِ فِي النَّاسِ كَمَنْ مَثَلُهُ فِي  
الْأَظْلَمُونَ لَيْسَ بِخَارِجٍ مِنْهَا كَذَلِكَ زُيْنَ لِلْكَافِرِينَ مَا كَانُوا يَعْمَلُونَ

Maksudnya:

Dan adakah orang yang mati (hatinya dengan kufur), kemudian Kami hidupkan Dia semula (dengan hidayah petunjuk), dan Kami jadikan baginya cahaya (iman) yang menerangi (sehingga dapatlah ia membezakan antara yang benar dengan yang salah, dan dapatlah) ia berjalan dengan suluhan cahaya itu dalam masyarakat manusia, (adakah orang yang demikian keadaannya) sama seperti yang tinggal tetap di dalam gelap-gelita (kufur), yang tidak dapat keluar sama sekali daripadanya? Demikianlah (sebagaimana iman itu diperlihatkan keelokannya kepada orang-orang yang beriman), diperlihatkan pula pada pandangan orang-orang yang kafir itu akan keelokan apa yang mereka telah lakukan (dari perbuatan kufur dan Segala jenis maksiat).

(al-An‘ām: 122)

Faktor untuk berkongsi kebahagian hidup ini juga telah mendorong mereka untuk berinteraksi sehingga Islam itu tersebar ke negara Rom dan Parsi serta tanah jajahan dua empayar tersebut terutamanya pada zaman pemerintahan Umar Ibn al-Khattab r.a. (634-644M), dan juga pada era pemerintahan Uthman Ibn Affan r.a. (644-656M) di mana Islam terus tersebar hingga ke pulau Cyprus dan Rhodes (Abdul Rahman 1981). Menurut Abdul Rahman (1981), yang lebih menakjubkan lagi ialah di zaman Pemerintahan Bani Umayyah, yang mana Islam telah tersebar luas meliputi Asia, Afrika Utara dan Eropah termasuk Sepanyol dan Perancis.

Dari aspek sejarah kedatangan Islam ke Tanah Melayu, interaksi ini dapat dilihat melalui kedatangan para pendakwah bangsa Arab yang sampai ke Kepulauan Melayu melalui berbagai-bagi jalan sama ada laut atau darat iaitu bermula dari pantai Jeddah menerusi Laut Merah terus ke Aden, Selatan Semenanjung Arab kemudian ke Gujerat dan seterusnya ke Gugusan Kepulauan Melayu. Melalui jalan darat pula bermula dari Syria dan Iraq ke Khurasan, dari utara Parsi ke Afghanistan kemudian ke negeri China dan kemudian terus ke Gugusan Kepulauan Melayu (Mahayudin 2001).

Jika ditinjau perubahan yang berlaku hasil daripada interaksi ini terutama pada zaman Kerajaan Melayu Melaka ia adalah sangat jelas. Melaka telah menerima Islam apabila Parameswara memeluk Islam melalui perkahwinannya dengan Puteri Pasai iaitu Puteri Ratna Keumala pada tahun 1414 lalu menukar namanya kepada Sultan Iskandar Shah. Akhirnya Melaka berjaya menjadi sebuah empayar yang gemilang terutamanya semasa zaman pemerintahan Sultan Mudzaffar Shah (1456-1477) dengan menjadikan Islam sebagai agama rasmi Melaka. Dari sudut kegemilangan hubungan antara etniknya pula, Melaka telah muncul sebagai sebuah kota kosmopolitan yang menjadi tumpuan pelbagai bangsa seperti Cina, Arab, Kling, Jawa, Benggali, Gujerati dan Champa (Johari 2006).

Interaksi antara para pedagang Islam dengan penduduk tempatan juga turut memberi sumbangan yang besar dalam perkembangan dakwah Islam di pesisir Selat Melaka hingga ke Demak, Japara, Brunei, Sulu dan Palawan. Situasi ini membayangkan bahawa hasil perubahan yang berlaku dari sudut kehidupan bermasyarakat dan budaya melibatkan pelbagai etnik. Perubahan turut berlaku dalam aspek pentadbiran, terutamanya apabila sultan telah melantik empat orang syahbandar dari etnik yang berlainan iaitu dari keturunan Jawa, Cina, Arab dan Kling (Johari 2006). Menurut Johari (2006) lagi, bagi menjamin keharmonian masyarakat, setiap etnik telah mempunyai penempatan masing-masing seperti Kampung Cina, Kampung Kling, Kampung Arab dan Kampung Jawa. Situasi kehidupan ini wujud melalui interaksi antara pelbagai etnik dan telah meletakkan Melaka sebagai empayar Melayu yang amat disegani dan dihormati ketika itu. Perubahan yang dihasilkan melalui interaksi ini begitu terserlah sekali. Dengan kata lain, interaksi yang dibawa oleh Islam adalah bersifat membina dan membangunkan nilai-nilai murni yang penuh dengan norma-norma peradaban. Interaksi ini tidak membunuh dan memusuahkan apa jua hasil kreativiti dan inovasi sesuatu masyarakat yang baharu sebaliknya Islam telah menyuburkan lagi hasil-hasil tersebut. Ini jelas terbukti apabila tamadun Cina dan India berkembang pesat dalam pelbagai bidang.

Berbeza pula dengan interaksi bangsa-bangsa Eropah yang berasaskan kepentingan perdagangan dan material semata-mata. Penjelajahan dan penjajahan mereka ke serata dunia yang bermula sejak abad ke16 adalah untuk memastikan supaya mereka mempunyai bekalan bahan mentah yang mencukupi. Para pedagang Eropah seperti Sepanyol, Belanda dan Inggeris membawa barang-barang yang dihasilkan di Eropah seperti pakaian dan peralatan pertanian untuk ditukarkan dengan komoditi seperti emas, rempah, timah dan lain-lain (Shamsul Amri 2007). Menurut Shamsul Amri (2007), itu adalah antara impak besar kedatangan British ke Tanah Melayu yang dikritik oleh al-Attas kerana mereka merupakan orang yang bertanggungjawab secara beransur-ansur menyisihkan dominasi Islam daripada kehidupan masyarakat atau dengan kata lain memisahkan orang Islam daripada agama mereka. Hal ini membuktikan bahawa interaksi mereka dengan bangsa-bangsa lain di dunia ini telah meninggalkan kesan buruk dan negatif kepada orang lain.

## Prinsip-prinsip Asas Islam dalam Interaksi antara Etnik

Berikut akan diperjelaskan prinsip-prinsip asas Islam dalam berinteraksi antara etnik. Prinsip ini membuktikan Islam sebagai agama yang terkehadapan dalam usaha untuk memupuk dan memelihara perpaduan masyarakat. Antara prinsip tersebut adalah rahmat untuk semua makhluk, berbuat kebaikan dan ihsan, berlemaht lembut dengan golongan bukan Islam dan bergaul dengan baik (al-Turayqi, 1989).

### Rahmat untuk Semua Makhluk

Antara nama-nama Allah yang amat baik itu adalah al-Rahmān dan di antara sifatNya pula adalah al-Rahmat iaitu belas kasihan. Berdasarkan sifat tersebut juga Allah s.w.t. telah mengutus rasulNya Muhammad s.a.w. sebagai rahmat bagi makhluk sekalian alam, seperti mana firmanNya dalam surah *al-Anbiyā'*, ayat 107:

وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا رَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ ١٧

Maksudnya:

Dan tidaklah engkau diutuskan (Muhammad) melainkan untuk (menjadi) rahmat bagi seluruh alam. (al-Anbiyā': 107)

Bermula dari sini, Islam amat menggalakkan umat manusia agar berkasihan belas sesama mereka. Sabda Rasulullah s.a.w. :

مِنْ لَا يَرْحِمُ لَا يُرْحَمٌ

Maksudnya:

Sesiapa yang tidak merahmati (menghormati) tidak akan dirahmati (dihormati). (al-Bukhari 1997)

Berhubung dengan hadis di atas Ibn Hajar menyebut bahawa, menurut Ibn Battal hadis tersebut menggalakkan beramal dengan konsep rahmat untuk semua makhluk termasuk golongan mukmin, kafir dan haiwan yang dipelihara atau tidak (Ibn Hajar 1986). Ini bermakna konsep rahmat itu adalah untuk dikecapi oleh semua makhluk dan ia bukan hanya khusus bagi golongan mukmin sahaja. Manakala sebab pemberian rahmat ini pula cukup jelas iaitu dengan adanya konsep kehaiwanan pada sesuatu itu sama ada pada insan mahupun haiwan maka ia semamangnya memerlukan rahmat (al-Turayqi 1989).

Sifat rahmat ini juga jelas dipamerkan oleh baginda Rasulullah s.a.w. ketika berinteraksi dengan penduduk Ta'if semasa menyampaikan dakwah Islam di sana. Namun, dakwah Baginda s.a.w. bukan sahaja telah ditolak oleh mereka, bahkan baginda telah dilempar dengan batu sehingga mengalir darah di tubuh Rasulullah s.a.w. yang mulia itu (Yahya 2005). Ketika Baginda s.a.w. sedang merehatkan dirinya yang tercedera itu, maka telah datang kepada Baginda s.a.w. malaikat penjaga bukit yang menyatakan kesediaannya untuk menghempap dua gunung ke atas penduduk Ta'if tetapi sebaliknya baginda menyatakan:

بَلْ أَرْجُو أَنْ يُخْرِجَ مِنْ أَصْلَابِهِمْ مَنْ يَعْبُدُ اللَّهَ وَحْدَهُ لَا يُشْرِكُ بِهِ شَيْئًا

Maksudnya:

Bahkan aku berharap akan lahir dari mereka generasi yang akan menyembah Allah yang Maha Esa serta mereka tidak mensyirikanNya dengan sesuatu. (Yahya 2005)

Perbuatan Rasulullah s.a.w. itu menunjukkan bahawa dalam berinteraksi dengan sesiapa sahaja, seseorang itu perlu menzahirkan sifat rahmat dan rasa kasihan belas walaupun terhadap mereka yang bukan Islam. Meskipun Rasulullah s.a.w. menghadapi pelbagai rintangan, kepayahan, kesulitan dan cabaran dalam berdakwah khususnya terhadap kaum Musyrikin, namun Baginda s.a.w. tetap mengatakan:

إِنِّي لَمْ أُبْعِثْ لَعَنَا وَإِنَّمَا بَعَثْتُ رَحْمَةً

Maksudnya:

Sesungguhnya aku tidak dibangkitkan sebagai pelaknat, tetapi aku diutuskan hanyalah sebagai pembawa rahmat. (Muslim, 2000 Kitāb al-Bir wa al-Silāh).

Demikianlah sikap yang sepatutnya wujud dan ditanam dalam diri setiap seorang muslim iaitu berkasihan belas, penyayang, berlembut serta merendah diri. Sifat-sifat sedemikian bukan menunjukkan satu penghinaan atau kelemahan, sebaliknya sifat-sifat tersebut perlu menjadi tabiat bagi diri individu yang kuat dan mulia (al-Turayqi 1989). Berhubung dengan firman Allah dalam surah *al-Fath*, ayat 29 iaitu:

شَهِدَ رَسُولُ اللَّهِ وَالَّذِينَ مَعَهُ أَشِدَّاءَ عَلَى الْكُفَّارِ

Maksudnya:

Muhammad itu utusan Allah dan orang-orang yang bersamanya adalah bersikap keras terhadap orang-orang kafir. (al-Fath: 29)

Mungkin timbul pertanyaan berkaitan ayat di atas yang memberi gambaran bahawa Baginda s.a.w. dan para sahabatnya bersikap keras terhadap orang bukan Islam. Ini sekaligus menafikan mereka bersikap rahmat terhadap orang-orang yang bukan Islam. Bagi menjawab kenyataan di atas, Allah berfirman dalam surah *al-Mumtahanat*, ayat 7-9:

﴿٧﴾ عَسَى اللَّهُ أَنْ يَجْعَلَ يَنْذِرَكُمْ وَبَيْنَ الَّذِينَ عَادَيْتُمْ مِّنْهُمْ مُّوَدَّةً وَاللَّهُ قَدِيرٌ وَاللَّهُ عَفُورٌ رَّحِيمٌ  
﴿٨﴾ لَا يَنْهَاكُمُ اللَّهُ عَنِ الَّذِينَ لَمْ يُقْتَلُوكُمْ فِي الدِّينِ وَلَمْ يُخْرِجُوكُمْ مِّنْ دِيْرِكُمْ أَنْ تَبْرُوْهُمْ  
وَقُسِطُوا إِلَيْهِمْ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُقْسِطِينَ ﴿٩﴾ إِنَّمَا يَنْهَاكُمُ اللَّهُ عَنِ الَّذِينَ قَاتَلُوكُمْ فِي  
الَّدِينِ وَأَخْرَجُوكُمْ مِّنْ دِيْرِكُمْ وَظَاهَرُوا عَلَى إِخْرَاجِكُمْ أَنْ تَوْلُوْهُمْ وَمَنْ يَتُوْلَهُمْ فَأُولَئِكَ هُمُ الظَّالِمُونَ

Maksudnya:

Mudah-mudahan Allah menimbulkan kasih sayang antaramu dengan orang-orang yang kamu musuhinya mereka. Dan Allah adalah Maha Kuasa dan Allah juga Maha Pengampun lagi Maha Penyayang. Allah tiada melerang kamu berbuat baik dan berlaku adil terhadap orang-orang yang tiada memerangimu kerana agama dan tidak pula mengusir kamu dari negerimu. Sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang berlaku adil. Sesungguhnya Allah hanya melerang kamu menjadikan orang-orang yang memerangi kamu kerana agama dan mengusir kamu dari negerimu dan membantu orang lain untuk mengusirmu sebagai kawan. Dan

barangsiapa yang menjadikan mereka sebagai kawan, maka mereka itulah orang-orang yang zalim.

(al-Mumtahanat: 7-9)

Ayat di atas menerangkan bahawa sesiapa yang menunjukkan permusuhan terhadap orang-orang Islam dan menyembunyikan kejahatan diri mereka maka kaum muslimin mestilah bersikap keras terhadap mereka. Inilah yang dimaksudkan dengan firman Allah dalam surah al-Fath. Kaum muslimin hanya diperintahkan bersikap keras terhadap mereka yang disifatkan memusuhi umat Islam di atas dasar agama seperti yang dijelaskan dalam ayat 9 surah al-Mumtahanat. Ini bermakna kaum muslimin dibenarkan bersikap keras terhadap orang yang bukan Islam sekiranya mereka diperangi dan dimusuhi kerana agama ataupun terdapat usaha-usaha untuk mengusir kaum muslimin dari tanah air mereka. Namun demikian, ini tidak pula menafikan sifat rahmat terhadap orang yang bukan Islam. Tindakan kekerasan yang diambil hanyalah semata-mata dilihat dari sudut kepentingan atau maslahat umum manusia itu sendiri (al-Turayqi 1989).

### Berbuat Kebajikan dan Ihsan

Dalam hubungan berbuat baik terhadap orang yang bukan Islam, maka antara golongan pertama yang perlu diberi keutamaan adalah ibu bapa kemudian diikuti dengan sudara-mara dan kemudian individu-individu yang lain mengikut kepentingan dan kedudukan mereka. Berkaitan dengan hak ibu bapa ini, Allah s.w.t. telah menegaskan dalam firmanNya:

وَإِنْ جَهَدَاكَ عَلَىٰ أَنْ تُشْرِكَ بِي مَا لَيْسَ لِكَ بِهِ عِلْمٌ فَلَا تُطْعِمُهُمَا وَصَاحِبَهُمَا  
فِي الدُّنْيَا مَعْرُوفًا

Maksudnya:

Dan jika sekiranya kedua-dua mereka memaksa engkau agar berlaku syirik terhadapku apa yang tiada pengetahuanmu tentang itu, maka janganlah kamu mentaati keduanya, dan pergaulilah keduanya dengan baik di dunia.

(Luqmān: 15)

Walaupun tidak perlu mentaati perintah mereka jika disuruh untuk mensyirikan Allah s.w.t. ini tidak menafikan seseorang anak itu perlu berlaku ihsan dan bergaul dengan baik terhadap ibu bapa mereka yang bukan Islam (Ibn Kathir 2004). Situasi ini juga menyebabkan Asma' binti Abi Bakr r.a. telah bertanya kepada Rasulullah s.a.w. :

قَدَمْتُ أُمِّي عَلَيْ راغِبَةٍ وَهِيَ مُشْرِكَةٌ، أَفَأَصْلِهَا؟ قَالَ : نَعَمْ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ

Maksudnya:

Ibuku telah datang kepadaku kerana ingin sangat bertemu, sedangkan beliau adalah seorang musyrikah, maka apakah aku boleh berhubung dengannya?. Baginda menjawab:" Ya, berhubunglah dengan ibumu".

(al-Bukhari, 1997 Kitāb al-Adāb)

Dalam konteks ini, ajaran Islam turut membenarkan orang Islam menziarahi kubur orang bukan Islam dengan tujuan untuk mengambil apa-apa pengajaran yang positif. Ini berasaskan kepada hadith dari Buraidah r.a. yang diriwayatkan oleh Ahmad, Ibn Abi Syaibah, al-Hakim, Ibn Hibban dan al-Bayhaqiy dan juga hadis Abu Hurayrah r.a. dari riwayat Muslim, Abu Dawud , al-Nasa'i dan lain-lain antaranya bermaksud:

Dan ketika aku meminta izin untuk menziarahi kuburnya (iaitu ibu baginda), Allah mengizinkanku. Oleh itu berziarahlah kamu ke kubur kerana yang demikian akan mengingatkan kamu akan kamatian. (al-Albāniy, 2007 Ahkām al-Janāiz)

Di antara individu yang perlu berbuat baik terhadapnya adalah jiran tetangga sekalipun mereka dari kalangan orang bukan Islam, seperti yang disebut dalam hadis yang diriwayatkan dari Abu Hurayrah r.a., Rasulullah s.a.w. telah bersabda:

من كان يؤمن بالله واليوم الآخر فليحسن إلى جاره

Maksudnya:

Sesiapa yang beriman dengan Allah dan Hari Akhirat maka hendaklah dia berlaku baik terhadap jirannya.

(al-Bukhari 1997, Kitāb al-Adāb)

Menurut Ibn Rajab, dalam hal ini berbuat baik terhadap jiran adalah disuruh bahkan digalakkan tanpa mengira sama ada beragama Islam ataupun tidak (Ibn Hajar 1986).

### Berlemah Lembut dengan Golongan Bukan Islam

Islam merupakan satu agama yang membawa rahmat untuk seluruh umat manusia. Islam melarang sebarang bentuk celaan atau lemparan kata-kata kesat sama ada ke atas individu Islam atau bukan Islam. Ini dapat difahami melalui sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurayrah r.a., dari Rasulullah s.a.w. dengan sabdanya yang bermaksud:

Sesiapa yang beriman dengan Allah dan hari akhirat, maka hendaklah dia berkata yang baik atau mendiamkan diri.

(al-Bukhari 1997, Kitāb al-Adāb)

Larangan tersebut termasuklah juga bertindak dengan kekerasan seperti mendera atau menyakiti tubuh badan mereka. Dalam hubungan ini, Imam Muslim telah meriwayatkan bahawa Hisyam Ibn Hakim yang lalu di hadapan sekumpulan petani di Syam, mendapat mereka didapati sedang didera berdiri di bawah panas cahaya matahari kerana tidak membayar jizyah. Maka Hisyam berkata:" Sesungguhnya aku mendengar Rasulullah s.a.w bersabda:

إِنَّ اللَّهَ يَعْذِبُ الظَّالِمِينَ وَالظَّالِمُونَ إِنَّمَا يَنْهَا مُنْكِرُ الدِّينِ

Maksudnya:

Sesungguhnya Allah akan mengazab sesiapa yang mengazab manusia di dunia ini.

(Muslim, 2000 Kitāb al-Bir wa al-Silāh)

Berdasarkan keterangan hadis di atas, menyakiti golongan bukan Islam akan menjauhkan mereka dari Islam serta menimbulkan pandangan yang buruk dan negatif terhadap kesucian Islam sehingga boleh menghalang mereka daripada menganut agama Islam, sedangkan ajaran Islam memelihara nyawa mereka dan hanya mengenakan *jizyah* sebagai ruang dan peluang kepada mereka untuk melihat dan menilai kehebatan agama Islam dengan harapan akhirnya mereka akan menganut Islam dengan redha dan selesa. Dari sinilah menampakkan Islam itu menuntut umatnya supaya berurusan dengan orang yang bukan Islam dengan cara yang baik, beradab dan berlemah lembut (al-Turayqy 1989). Terdapat banyak ayat al-Quran yang menjelaskan perkara ini, antaranya ialah sebagaimana firman Allah dalam surah al-Ankabüt, ayat 46:

﴿وَلَا يُحَدِّلُوا أَهْلَ الْكِتَابَ إِلَّا بِالَّتِي هِيَ أَحَسَنُ إِلَّا الَّذِينَ ظَلَمُوا مِنْهُمْ﴾

Maksudnya:

Dan janganlah kamu berbahas dengan ahli kitab melainkan dengan cara yang terbaik, kecuali orang-orang yang berlaku zalim dari kalangan mereka.

(al-Ankabüt: ayat 46)

Ibn Kathir (2004) ketika mengulas maksud ayat di atas menyatakan bahawa mengucap kata-kata yang baik itu adalah dengan mengajak mereka ke jalan Allah melalui keterangan-keterangan dengan ayat-ayat al-Quran serta berhati-hati dalam mendengar hujah-hujah mereka. Menurut beliau pendapat ini juga adalah dipegang oleh imam al-Tabariy.

### Bergaul dengan Baik

Islam sebagai agama yang mementingkan hubungan bermasyarakat menuntut umatnya supaya tidak mengabaikan orang bukan Islam dalam pergaulan mereka. Tuntutan tersebut bertujuan supaya kehebatan ajaran Islam dapat disampaikan agar mereka memeluk Islam. Terdapat dalil-dalil yang membuktikan bahawa Rasulullah s.a.w. berurus dengan orang bukan Islam seperti Baginda s.a.w. telah menggadaikan baju besi baginda kepada seorang Yahudi dengan mengambil 30 cupak gandum sebagai ganti (al-Bukhari 1997). Di dalam al-Qur'an juga terdapat suruhan yang jelas untuk bergaul dengan orang bukan Islam dengan baik serta melayani mereka dengan adil dalam menunaikan hak-hak mereka selagi mereka tidak menzahirkan permusuhan terhadap Islam. Perkara ini disebut oleh Allah s.w.t. dalam surah *al-Mumtahanah*, ayat 8.

لَا يَنْهَاكُمُ اللَّهُ عَنِ الدِّينِ لَمْ يُقْرِنُوكُمْ فِي الدِّينِ وَلَمْ يُخْرِجُوكُمْ مِّن دِينِكُمْ أَن تَبَرُّو هُمْ  
وَنَقْسِطُوا إِلَيْهِمْ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُقْسِطِينَ ٨

Maksudnya:

Allah tidak melarang kamu untuk berbuat baik dan berlaku adil terhadap orang-orang yang tidak memerangimu kerana agama dan tidak pula mengusir kamu dari negerimu. Sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang berlaku adil.

(al-Mumtahanah: 8)

Berdasarkan ayat di atas, Ibn Kathir (2004) menjelaskan bahawa Allah s.w.t. tidak melarang orang-orang yang beriman untuk berbuat kebaikan serta berlaku adil kepada orang bukan Islam seperti golongan wanita dan sesiapa sahaja dari kalangan mereka yang lemah. Seorang muslim apabila bergaul dengan manusia dan dia bersabar atas segala kelemahan mereka adalah lebih baik dari seorang muslim yang tidak bergaul dengan manusia dan tidak bersabar atas kelemahan mereka (al-Tirmidhi, 2000 *Kitāb al-Qiyāmah*).

### Kesimpulan

Dakwah terhadap masyarakat bukan Islam menerusi interaksi merupakan satu tuntutan dalam Islam. Ia bertujuan untuk menyebarluaskan ajaran Islam yang murni sebagai satu cara hidup yang baik bagi memastikan keamanan dan keharmonian dapat dikecap bersama oleh masyarakat tanpa mengira agama. Hakikat ini dapat mencantas dakwaan sesetengah pihak di Barat yang memandang serong terhadap pandangan Islam terhadap orang bukan Islam. Kajian ini telah membuktikan bahawa Islam telah menetapkan asas-asas positif dalam konteks hubungan antara etnik. Islam juga turut mengemukakan hak-hak yang adil terhadap golongan yang bukan Islam. Lebih jelas lagi dakwah Islam itu bersifat membina kehidupan yang lebih baik dalam sesebuah masyarakat yang ternyata amat berbeza dengan misi yang dibawa oleh penjajah Barat.

## Rujukan

- al-Quran al-Karim.
- al-Albaniy. 2007. *Hukum Berkaitan Pengurusan Jenazah*. Terj. Ibn Hussain. Pattani: Bin Halabi Press.
- Abdul Rahman Abdullah. 1981. *Sejarah Pemikiran Islam*. Kuala Lumpur: Penerbitan Pena Sdn. Bhd.
- al-Bukhariy. 1997. *Sahīh al-Bukhariy*. Al-Riyad: Dar al-Salam.
- al-Fayumi, Atif Muhammad Abd Al-Muiz. 2006. *Majallat al-Dakwah fi al-Quran wa Usuluha*. Al-Haram: Maktabah Awlad al-Syekh.
- Ibn Hajar, Ahmad Ibn Ali. 1986. *Fath al-Bāriy bi Syarh Sahīh al-Bukhariy*. Beirut: Dar al-Diyah li al-Turath.
- Ibn Kathir. 2004. *Tafsir al-Quran al-Azīm*. Al-Riyad: Dar al-Salam.
- Johari Talib. 2006. Pluraliti masyarakat alam Melayu dalam sejarah. Dlm. Nazri Muslim dan Nasruddin Yunos (Pnyt.). *Hubungan Etnik*: Pusat Pengajian Umum: UKM.
- Mahayudin Haji Yahaya. 2001. *Islam di Alam Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- al-Mundhiriy. t.th. *Mukhtasar Sahīh Muslim*. Asyut: Ihya al-Sunnah.
- Shamsul Amri Baharudin. 2007. *Modul Hubungan Etnik*. Kuala Lumpur: Maskha Sdn. Bhd.
- al-Sa'diy, Abdul Rahman Nasir. 1990. *Taisir al-Karim al-Rahmān fi Tafsir Kalam al-Mannan*. Riyad: al-Ri'asat al-Ammah li Idarat al-Buhuth al-'Ilmiyyah.
- al-Turayqi, Abdullah Ibn Ibrahim. 1989. *al-Istiānah bi Ghairi al-Muslimīn fi al-Fiqh al-Islāmiy*. Arab Saudi: Ri'asah Idarat al-Buhuth al-'Ilmiyyah.
- al-Tirmidhi, Muhammad Ibn Isa. 2000. *Jami' al-Tirmidhiy*. Riyad: Dar al-Salam.
- Yahya Mahmud Salman. 2005. *Al-Sirah al-Nabawiyah*. Universiti Malaya: Markaz al-Bayan

---

AMINUDIN BASIR @ AHMAD, Ph.D.  
Pusat Pengajian Umum  
Iniversiti Kebangsaan Malaysia  
43600 Bangi, MALAYSIA.  
Emel: binamanhaj@yahoo.com

AKILA MAMAT  
Jabatan Usuluddin  
Fakulti Pengajian Kontemporari Islam  
Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak  
21300 Kuala Terengganu, MALAYSIA.  
Emel: akila@unisza.edu.my